



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu,

Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 03-6253 0261 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725

E-mel: mail@nutp.org.my Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

F : NUTP Malaysia

Presiden : Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung : Haji Fouzi Bin Singon



MEDIA /SIARAN MEDIA

Kepada : **Ketua Pengarang
Semua Akhbar Dan Media Tempatan**

Daripada : **Fouzi bin Singon
Setiausaha Agung NUTP**

Telefon Bimbit : **019-9834123**

Tarikh : **27 Mac 2025**

SOKONGAN PENUH TERHADAP PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG

1. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyambut baik dan menyokong sepenuhnya langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam pelajar mulai 21 April 2025 secara berperingkat.
2. Sebagai organisasi yang sentiasa mendukung usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga pendidikan, NUTP percaya bahawa inisiatif ini akan membantu menyemai kecintaan terhadap negara sejak di bangku sekolah. Pemakaian lencana Jalur Gemilang bukan sekadar simbolik, tetapi juga satu langkah penting dalam mengukuhkan identiti nasional dan perpaduan dalam kalangan pelajar.
3. Selain itu, NUTP menghargai usaha KPM yang membekalkan dua unit lencana secara percuma kepada setiap pelajar bagi memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan lancar tanpa membebankan ibu bapa. Langkah ini juga membuktikan komitmen kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai patriotik secara inklusif di semua institusi pendidikan di bawah kelolaan KPM.

.../2/

4. NUTP juga menggalakkan semua pihak, termasuk guru, ibu bapa, dan masyarakat, untuk bersama-sama menyokong inisiatif ini agar ia dapat mencapai matlamat yang diharatkhan. Kami yakin bahawa pendidikan memainkan peranan utama dalam membentuk generasi muda yang cintakan negara dan bersemangat untuk berbakti kepada tanah air.
5. Sebagai kesatuan yang mewakili para pendidik, NUTP sedia memberikan kerjasama penuh kepada KPM dalam memastikan pelaksanaan dasar ini berjalan dengan baik serta diterima positif oleh semua pihak.



FOUZI BIN SINGON
SETIAUSAHA AGUNG NUTP